

JIKA BOLEH, BANDINGKAN PRODUK YANG DIRAGUI DENGAN PRODUK TULEN MENGGUNAKAN SUMBER YANG DISAHKAN.

KETULENAN

CD tulen mungkin mengandungi salah satu atau semua penunjuk di bawah

- Label rekod dinyatakan dengan jelas
- Butiran pelesenan
- Tatah dalam dan grafik mempunyai kualiti yang tinggi
- 4 (atau lebih) cetakan warna
- Kertas mempunyai kualiti yang baik
- Kod SID
- Bekas plastik CD atau kotak pembungkus yang berkualiti

CD tulen biasanya mempunyai kualiti yang sangat tinggi. Kerja seni tatah dalam biasanya menggunakan 4 warna (atau lebih, contohnya, metalik). Tatah dalam satu helaian jarang digunakan, tetapi sebaliknya menggunakan buku kecil berwarna-warni dan berkilat. CD selalunya dibungkus dalam bekas plastik CD atau kotak atau sarungl berkualiti tinggi.


Muzik dalam DVD juga mempunyai penunjuk yang sama seperti CD, serta terdapat logo DVD padanya.



DVD cetak rompak mungkin mengandungi salah satu atau semua penunjuk di bawah

- Kod wilayah zon "All"
- Label yang rendah kualiti dan boleh ditanggalkan
- Tajuk filem tidak lengkap atau tidak tercatat pada cakera
- Tarikh tajuk dikeluarkan – Filem sedang ditayangkan di pawagam
- Logo Zon I dan huruf Asia atau Cyril.
- Salah ejaan
- Kelainan maklumat pada kad tatah dalam berkaitan dengan maklumat daripada filem lain
- Penghasilan semula warna yang rendah mutunya/gambar atau grafik yang kabur
- Stok kertas berkualiti rendah
- Pemilik hak cipta tidak dinyatakan, tidak betul atau palsu
- DVD mengandungi lebih daripada satu filem dalam satu cakera

Maklumat yang tidak betul pada kad tatah dalam bagi tajuk, pelakon, penerbit, pengarah dan ciri khas yang tidak berkaitan dengan DVD.



Garis panduan bagi menentukan produk yang sah dan produk cetak rompak serta palsu dikeluarkan oleh IFPI © 2003 IFPI Secretariat, Enforcement Department, IFPI, 54 Regent Street, London. W1B 5RE UK.
Tel: +44(0)20 7878 7900
Faks: +44(0)20 7878 7990
e-mel: enforcement@ifpi.org
laman web: www.ifpi.org

Apakah itu cetak rompak?

- Membuat salinan rakaman muzik yang tidak dibenarkan daripada syarikat rakaman yang sah.
- Biasanya dibungkus cara yang berbeza
 - Selalunya merupakan kompilasi rakaman artis yang berlainan
 - Mempunyai kualiti yang rendah

Apakah itu pemalsuan?


- Copied and packaged to resemble the original sound recording.
- Melakukan peniruan dan pembungkusan supaya menyerupai rakaman suara asal
 - Bertujuan untuk menipu
 - Menggunakan kerja seni, tanda dagangan dan logo tiruan

CD cetak rompak mungkin mengandungi salah satu atau semua penunjuk di bawah

- Tiada logo syarikat rakaman
- Kod SID dipadamkan
- Tiada kod SID
- Tatah dalam & grafik rendah kualitinya dan biasanya dicetak dalam 2 warna sahaja.
- Kertas mempunyai kualiti yang rendah
- Versi promosi
- Butiran pelesenan atau tanda dagangan yang tidak lengkap, tidak betul atau tiada langsung butiran
- Terdapat kelainan antara cakera dan pembungkus
- Kesilapan ejaan
- Nama artis atau tajuk album tidak lengkap atau tidak tercatat pada cakera
- Lebih daripada satu album penuh artis dalam satu cakera
- Harga yang murah
- Tiada bekas plastik CD
- CD, bekas plastik dan kad tatah dalam dibungkus secara berasingan
- Cakera adalah CD-R/DVD-R



YANG DIRAGUI



JIKA SESEBUAH FILEM SEDANG DITAYANGKAN DI PAWAGAM, MAKA TIDAK MUNGKIN FILEM ITU DIKELUARKAN DALAM BENTUK DVD.

Mengenal pasti CD/DVD cetak rompak

Garis panduan bagi menentukan produk yang sah dan produk cetak rompak serta palsu dikeluarkan oleh MPAA/MPA © 2003 Motion Picture Association
MPAA/MPA Worldwide Optical Disc Office, 15503 Ventura Boulevard, Encino, USA CA 91436.
Tel: +1(818) 995 6600
e-mel: hotline@mpaa.org
laman web: www.mpaa.org

TULEN

DVD tulen mungkin mengandungi salah satu atau semua penunjuk di bawah.

- Zon yang ditetapkan
- Ejaan dan tatabahasanya betul
- Gambar dan grafik mempunyai kualiti yang tinggi
- Stok kertas berkualiti tinggi
- Tarikh tajuk dikeluarkan
- Butiran pelesenan dinyatakan dengan jelas

CD yang tulen biasanya mempunyai kualiti yang tinggi. Bungkusannya pula mempamerkan imej yang tinggi kualitinya, cetakan berwarna-warni dan dan stok kertas yang berkualiti baik. DVD selalunya dibungkus dalam bekas plastik atau kadbod.

Mengenal pasti CD/DVD cetak rompak



Kod SID & Pengecam Lain



Kod SID (induk)
Sumber muzik atau filem

Nombor matriks

Kod SID (acuan)
Sumber pembuatan



Cakera tulen biasanya mempunyai Kod SID (kod empat huruf yang menunjukkan sumber muzik dan pembuatan) yang dicetak pada cakera. Nombor Matriks mengkatalogkan produk tetapi tidak membuktikan kesahan.




Cakera cetak rompak biasanya mempunyai Kod SID yang boleh dipadankan, atau tiada Kod SID.

Maklumat pelesenan dan hak cipta yang lengkap dicetak dengan jelas pada cakera dan/pada tатаh dalam.

CD dan DVD tulen memaparkan butiran hak cipta dan maklumat penerbitan yang lengkap. Ini termasuklah senarai kredit, pemilikan, maklumat pelesenan dan negara pembuat.



Penunjuk Keharaman



- Cakera disusun pada gelendong atau tanpa bekas plastik
- Bekas plastik cakera dan kad tатаh dalam dibungkus berasingan
- Cakera dihantar dengan menggunakan dokumen palsu, yang menyatakan produk sebagai CD-R/DVD-R, apabila ia adalah cakera yang disalin atau cakera yang dimampatkan.
- Muzik dan filem daripada syarikat berlainan dihantar sekali dalam satu konsainan



Kesilapan ejaan pada nama atau tajuk, dan/atau perbezaan antara kerja seni pada tатаh dalam dan kerja seni pada cakera.



Cakera dan kad tатаh dalam diedarkan dalam sampul polietilena sahaja tanpa bekas keras.



Produk rendah kualitinya dan biasanya tidak dibungkus dengan baik. Harga yang murah merupakan penunjuk yang baik bagi produk yang dikeluarkan secara haram.

Format Boleh Rakam



Industri muzik dan filem tidak mengeluarkan produk mereka dalam format CD-R atau DVD-R.

2. Apa-apa produk filem atau muzik dalam cakera boleh rakam boleh diragui kesahannya.


Kelengkapan untuk membuat salinan yang biasa untuk CD-R dan DVD-R.

DVD-R biasanya berwarna ungu atau biru.

CD-R dan DVD-R mempunyai lapisan pewarna yang membolehkannya dikenal pasti dengan mudah.



CD-R atau DVD-R biasanya menunjukkan "kesan pelangi" yang jelas apabila diletakkan pada cahaya secara menyerong.



Cakera biasanya boleh didapati dalam pelbagai lapisan berwarna termasuklah hijau, biru, emas atau perak, contohnya.



Cakera terakam memaparkan perubahan warna yang ketara pada lapisan berwarna.

CD-R dan DVD-R biasanya mengandungi nombor kelompok yang dicetak pada bahagian dalam gelung. Data yang ada pada bahagian dalam gelung termasuklah muatan isipadu dan jenis media.



Cetakan biasanya berbeza-beza, biasanya dua warna dicetak pada cakera atau label kertas pelekat. Kadang kala maklumat satu warna sahaja yang dicetak. Biasanya cetakan pada cakera dan pembungkusan mempunyai kualiti yang rendah. Nama artis/tajuk atau filem selalunya tidak lengkap atau tidak tercatat pada cakera.

Teknologi Pemampatan

MP3

Jenis perisian mampat yang paling kerap digunakan oleh lanun cetak rompak muzik ialah MP3.

Perisian ini memampatkan maklumat dan membolehkan lebih banyak muzik disimpan dalam satu cakera.

Dengan menggunakan MP3, CD/CD-R boleh menyimpan 11 jam muzik dan DVD melebihi 50 buah album lengkap. Contoh di bawah juga mengandungi semua kerja seni dan corak yang dicetak pada kad tатаh dalam dan CD.

Industri muzik tidak menggunakan perisian mampatan untuk mendedarkan produk cakera optik.



DivX & MPEG-2

DivX dan MPEG-2 merupakan teknologi yang paling kerap digunakan oleh lanun cetak rompak untuk menghasilkan DVD, CD-R dan DVD-R kompilasi yang mengandungi filem yang pelbagai. Cakera optik yang menggunakan teknologi ini belum tentu boleh dimainkan menggunakan pemain DVD biasa.

Penggunaan istilah DivX atau MPEG-2 perlu diambil perhatian. Ini merupakan penunjuk biasa cetak rompak.



Industri filem tidak mengeluarkan filem yang pelbagai dalam satu cakera DVD.